

MANHAJ ABU DAWUD AL-SIJISTANI DALAM MENYELESAIKAN PERCANGGAHAN ANTARA RIWAYAT *MARFU'* DAN *MAWQUF* The Methodology of Abu Dawud al-Sijistani in Resolving the Conflict between *Marfu'* and *Mawquf* Narrations

Syimir Asyraaf bin Eddie Halim¹ & Roshimah binti Shamsudin^{*2}

¹ Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia [ORCID ID [0009-0001-1666-910X](https://orcid.org/0009-0001-1666-910X)]

² Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia [ORCID ID [0000-0003-1936-0746](https://orcid.org/0000-0003-1936-0746)]

*Corresponding author: roshimah@usm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2026-1101-05>

Article history

Received: 31/03/2026

Revised: 19/05/2026

Accepted: 03/06/2026

Published: 30/06/2026

Abstrak

Perbincangan mengenai perbezaan antara riwayat *marfu'* dan *mawquf* merupakan antara isu penting dalam disiplin ilmu hadith kerana ia memberi kesan terhadap penentuan kedudukan sesuatu hadith sebagai hujah. Dalam karya *Sunan Abi Dawud* and *al-Marasil*, pengarangnya iaitu Abu Dawud bukan sahaja meriwayatkan hadith, malah turut mengemukakan komentar yang memperlihatkan pendekatan beliau dalam menilai perbezaan riwayat tersebut. Namun demikian, penelitian khusus terhadap manhaj *pentarjihan* beliau dalam isu perbezaan antara riwayat *marfu'* dan *mawquf* masih terhad dalam kajian semasa. Schubungan itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis manhaj *pentarjihan* yang digunakan oleh Abu Dawud dalam menilai riwayat *marfu'* dan *mawquf* dalam *Sunan Abi Dawud* and *al-Marasil*. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen dengan meneliti beberapa hadith yang menunjukkan perbezaan bentuk periwayatan serta komentar yang diberikan oleh Abu Dawud terhadap riwayat-riwayat tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa Abu Dawud secara konsisten menyatakan kewujudan riwayat-riwayat *mukhalafah* terhadap riwayat utama serta menghimpunkan pelbagai jalur periwayatan tanpa tergesa-gesa melakukan *pentarjihan*. Kajian ini juga menunjukkan bahawa beliau tidak menjadikan kelebihan kuantiti riwayat sebagai *qarinah* mutlak dalam menentukan *tarjih*, sebaliknya menilai percanggahan berdasarkan pelbagai pertimbangan ilmiah seperti kalam perawi dan amalan perawi. Walau bagaimanapun, dapatan turut menunjukkan bahawa Abu Dawud tidak mempunyai pola *pentarjihan* yang tetap dan seragam, kerana keputusan beliau berbeza-beza antara *tarjih* dan sekadar memaparkan riwayat yang bercanggah tanpa penentuan akhir.

Kata Kunci: Abu Dawud al-Sijistani, *Marfu'*, *Mawquf*, Riwayat, *Ta'arud*



Abstract

The discussion on the differences between *marfu'* and *mawquf* narrations is a significant issue in the discipline of hadith studies, as it affects the determination of a hadith's authority as a legal proof. In the work *Sunan Abi Dawud* and *al-Marasil*, its author Abu Dawud not only records hadith but also provides critical remarks that reflect his approach in evaluating differences among narrations. However, specific studies examining his methodological approach in preferring between *marfu'* and *mawquf* narrations remain limited in current scholarship. Therefore, this study aims to identify and analyze the methodological approach employed by Abu Dawud in addressing the differences between *marfu'* and *mawquf* narrations in *Sunan Abi Dawud* and *al-Marasil*. The research adopts a qualitative approach through document analysis by examining selected hadiths that exhibit variations in forms of transmission, along with Abu Dawud's accompanying comments on these narrations. The findings show that Abu Dawud consistently states the existence of contradictory (*mukhalafah*) narrations alongside the primary narration and compiles various transmission routes without hastily engaging in *tarijih*. The study also indicates that he does not treat numerical superiority of narrators as an absolute indicator (*qarinah*) in determining preference, but instead evaluates contradictions based on multiple scholarly considerations such as the statements and practices of narrators. However, the findings further reveal that Abu Dawud does not adopt a fixed and uniform pattern of *tarijih*, as his conclusions vary between making *tarijih* and in many cases simply presenting conflicting narrations without a definitive resolution.

Keywords: Abu Dawud al-Sijistani, *Marfu'*, *Mawquf*, Narration, *Ta'arud*

PENGENALAN

Antara perbincangan ilmu hadith yang paling kompleks pernah dibincangkan oleh ahli hadith ialah isu percanggahan antara riwayat *marfu'* dan *mawquf* (Azzouz, 2020). Kesukaran ini diakui sendiri oleh salah seorang tokoh terkemuka dalam tradisi ilmu hadith, iaitu Ibn Hajar al-Asqalani (w. 852 H) seperti berikut (al-Asqalani, 1984):

وهذا الفن أغمض أنواع الحديث وأدقها مسلكا، ولا يقوم به إلا من منحه الله تعالى فهما غايضا وإطلاعا حاويا وإدراكا لمراتب الرواة ومعرفة ثاقبة، ولهذا لم يتكلم فيه إلا أفراد أئمة هذا الشأن وحذاقهم وإليهم المرجع في ذلك لما جعل الله فيهم من معرفة ذلك، والاطلاع على غوامضه دون غيرهم ممن لم يمارس ذلك

Maksudnya: Ilmu ini adalah antara cabang ilmu hadith yang paling sukar dan paling teliti metodologinya. Tiada yang mampu menguasainya melainkan orang yang Allah anugerahkan kefahaman yang mendalam, wawasan yang luas, serta ketajaman dalam membezakan kedudukan perawi dan memahami peringkat-peringkat mereka dengan teliti. Itulah sebabnya, hanya segelintir ulama sahaja yang bercakap tentang hal ini, kerana ia memerlukan ketelitian yang tinggi dan pengetahuan yang mendalam. Tidak ada yang mampu melakukannya kecuali mereka yang benar-benar diberikan kefahaman oleh Allah, dan mengetahui aspek-aspek yang samar daripadanya, bukan selain mereka daripada kalangan orang yang tidak pernah mempraktikkannya.

Ungkapan Ibn Hajar ini menunjukkan bahawa percanggahan antara riwayat *marfu'* dan *mawquf* bukanlah isu yang remeh kerana kedua-dua jenis riwayat mempunyai nilai hujah yang berbeza (Abdullah & Fahrison, 2005). Keberadaan *ta'arud* ini berlaku kerana beberapa faktor, iaitu kesilapan perawi, lemahnya *dabt* perawi, *tadlis* atau keliru dalam meriwayatkan hadith tersebut (Ali al-Tamimi, 2002).

Pembahasan mengenai hadith *marfu'* dan *mawquf* hakikatnya ialah pembahasan mengenai penisbahan sesebuah khabar pada asalnya. Kedua-duanya boleh jadi dikategorikan sebagai hadith sahih atau hasan atau daif (al-Sakhawi, 2003). Hadith *marfu'* adalah hujah dalam agama dan kekuatan kehujahannya berbeza-beza berdasarkan lafaz periwayatan yang digunakan oleh para

sahabat (Abu al-Sabba', t.t.). Adapun kehujahan hadith *mawquf* dalam agama, ia diperselisihkan oleh para ulama. Al-Qadi Abu Yusuf, al-Khatib al-Baghdadi (al-Baghdadi, 1421 H), Abu Ishaq al-Shirazi (al-Shirazi, 2003), ulama mazhab Hanafi dan sebahagian pengikut mazhab al-Shafi'i (al-Farra', 2002) berhujah dengannya, bahkan para ulama mazhab Hanafi mengutamakan ia ke atas qiyas jika tidak ada perselisihan pendapat mengenainya dalam kalangan para sahabat (al-Jasas, 1994). Al-Shafi'i (al-Ruyani, 2009), Ibn Hazm (al-Andalusi, t.t.) dan al-Qadduri (al-Qadduri, 2006) pula berpendapat hadith *mawquf* bukanlah hujah dalam agama.

Ta'arud antara kedua-dua riwayat ini bukan hanya menyentuh pembahasan mustalah hadith semata-mata, bahkan turut memberi kesan yang signifikan terhadap perbezaan pandangan fuqaha'. Sekiranya sesuatu riwayat dinilai sebagai *marfu'*, maka kedudukannya dari sudut kehujahan adalah berbeza berbanding riwayat yang *mawquf*. Hal ini kerana para ulama bersepakat mengenai kehujahan hadith *marfu'* yang disandarkan kepada baginda SAW, sedangkan mereka berbeza pendapat mengenai kehujahan riwayat *mawquf* yang terhenti pada sahabat. Oleh itu, penentuan sama ada sesuatu riwayat itu *marfu'* atau *mawquf* memainkan peranan yang penting dalam proses istinbat hukum serta menjadi antara faktor yang menyumbang kepada berlakunya *ikhtilaf* fiqh dalam kalangan ulama (al-Tamimi, 2002).

Berdasarkan kepentingan tersebut, penelitian terhadap manhaj Abu Dawud dalam menangani *ta'arud al-rafi' wa al-waqf* menjadi suatu keperluan ilmiah yang penting. Hal ini kerana penentuan sama ada riwayat itu *marfu'* atau *mawquf* bukan sahaja berkait dengan ketepatan penilaian sanad, bahkan turut memberi kesan terhadap kehujahan hadith dan proses istinbat hukum. Sebagai salah seorang imam hadith terkemuka, Abu Dawud mempunyai pendekatan tersendiri dalam menilai riwayat-riwayat yang bercanggah, khususnya yang melibatkan *ta'arud* ini. Oleh itu, penelitian terhadap manhaj beliau dapat memperlihatkan bentuk pertimbangan yang digunakan dalam mentarjih riwayat.

Sorotan literatur menunjukkan belum ada kajian yang khusus menjadikan Abu Dawud sebagai fokus kajian dalam isu *ta'arud al-rafi' wa al-waqf*. Kajian-kajian lepas telah membincangkan isu ini pada aspek mustalah, hadith-hadith secara tematik dan manhaj tokoh-tokoh tertentu. Antara kajian yang membahaskan isu ini dari aspek mustalah adalah kajian yang bertajuk *Maz'id al-Naf' bima Ta'arud fi al-Waqf ma'a al-Rafi'* (Aziz, 2020), *Ma Lab Hukum al-Rafi' min al-Mawqufat wa al-Maqtu'at* (al-Kandari, t.t.) dan sejumlah lagi kajian yang lama. Kajian-kajian yang dijalankan ini menunjukkan berkembangnya kesedaran semasa dalam kalangan ahli akademik dalam meneliti isu ini.

Walau bagaimanapun, penelitian yang berfokuskan tokoh masih terhad kuantitinya berbanding kajian dari aspek mustalah. Antara kajian berfokuskan tokoh yang telah dijalankan adalah seperti *I'rad al-Imam al-Bukhari 'an al-Hadith al-Asl fi al-Bab fi al-Jami' al-Sahib* (*Ta'arud al-Wasl wa al-Irsal wa Ta'arud al-Rafi' wa al-Waqf*) (Khalil et al., 2021), *Ta'arud al-Rafi' wa al-Waqf 'ind al-Imam al-Bukhari* (Abd al-Hadi et al., 2017), *Ta'arud al-Rafi' wa al-Waqf 'ind al-Imam al-Nawawi Dirasah Tatbiqiyah 'ala Kitabih al-Minhaj fi Sharh Sahib Muslim bin al-Hajjaj* (Ridwan et al., 2019), *Manhaj al-Imam Ibn Hibban fi Ta'arud al-Rafi' al-Waqf fi Kitabih al-Taqasim wa al-Anwa'* (Ul Haq et al., 2022), *Manhaj al-Imam al-Bukhari fi I'lad al-Ahadith bi Sabab al-Ikhtilaf fi al-Rafi' wa al-Waqf* (Abdullah Rifa'i, 2018) dan *Manhaj al-Imam al-Daruqutni fi al-Tarjih bay al-Ahadith al-lati Yata'arud fiha al-Rafi' wa al-Waqf min Khila Namadhij min Kitabih al-'Ilal* (Abd Allah Sa'd Yahya, t.t.). Berdasarkan kajian-kajian berfokuskan tokoh ini, al-Bukhari telah menjadi fokus kajian beberapa kali oleh pengkaji semasa. Akan tetapi, belum ada lagi kajian yang menjadikan Abu Dawud al-Sijistani sebagai fokus kajian. Kelompongan ini menjadi asbab utama kepada dijalankan kajian ini.


METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis kandungan. Reka bentuk ini dipilih kerana kesesuaiannya dalam mengkaji teks-teks Abu Dawud dalam mengeluarkan manhajnya dalam menangani *ta'arud* ini. Kajian ini menggunakan karya-karya Abu Dawud al-Sijistani yang mengandungi data-data mengenai *ta'arud* antara riwayat *marfu'* dan *mawquf*,

khususnya kitab *al-Sunan* dan *al-Marasil*. Antara aspek kandungan yang akan dianalisis dalam kajian ini ialah bentuk komentar Abu Dawud terhadap hadith, *qara'in* yang diambil kira oleh Abu Dawud dalam proses *tarjih*, natijah *tarjih* beliau terhadap *ta'arud* ini dan faktor *tarjih* beliau terhadap sesuatu riwayat.

Dari aspek pengumpulan hadith, pengkaji dalam artikel ini menggunakan *Maktabah Syamilah* untuk memanfaatkan carian hadith secara pantas dan mudah. Hadith-hadith yang dijadikan objek kajian adalah hadith-hadith yang terdapat padanya komen-komen Abu Dawud yang menyentuh isu *ta'arud al-raf' wa al-waqf*. Proses pencarian hadith berkenaan dengan isu artikel ini dilakukan dengan menggunakan kata kunci *manquf* (موقوف), *manqufa* (موقوفة), *farafa'uh* (فرعوه), *rafa'uh* (رفعه), *waqafah* (وقفه), *awqafah* (أوقفه), *fawqafuh* (فوقفه), *fawaqafah* (فوققه), *marfu'* (مرفوع), *marfu'a* (مرفوعا), *rafa'ah* (رفعه), *farafa'ah* (فرعاه), *al-Sahib* (الصحيح), *akehta'a* (أخطأ), *kebata'* (خطأ), *asah* (أصح) dan *mahfuẓ* (محفوظ).

Kajian ini menganalisis data dengan menggunakan kaedah analisis induktif. Ia merupakan sebuah proses melihat dari sudut pandangan secara menyeluruh. Pengkaji dalam artikel ini akan mencari corak dalam data yang dikumpulkan dan berusaha untuk membangunkan satu teori yang menjelaskan pola-pola tersebut. Ringkasnya, ia adalah satu proses mengolah data kepada teori atau dari yang khusus kepada umum (Kumar, 2024). Berikut adalah praktik kaedah ini dalam kajian ini:



Sembilan belas hadith dijadikan sebagai sampel kajian, 17 daripadanya berasal daripada *al-Sunan* dan dua daripadanya berasal daripada *al-Marasil*. Antara istilah-istilah khusus yang akan diguna pakai dalam kajian ini ialah *mentarjihkan/pentarjihan*, iaitu satu proses menguatkan salah satu riwayat, sama ada yang *marfu'* ataupun yang *manquf*. Perkataan manhaj dalam kajian ini pula kebiasaannya merujuk kepada metodologi Abu Dawud dalam menyelesaikan *ta'arud* antara riwayat *marfu'* dan *manquf*. *Ta'arud* pula membawa makna pertentangan antara riwayat *marfu'* dan *manquf* sama ada melalui jalan yang sama atau berbeza. *Al-Raf'* merujuk kepada riwayat yang *marfu'*, disandarkan kepada baginda SAW. *Al-Waqf* pula merujuk kepada riwayat yang *manquf*, disandarkan kepada para sahabat dan *qarinah/qara'in* merujuk kepada petunjuk-petunjuk ilmiah dalam proses *pentarjihan* riwayat.

PENGENALAN MENGENAI KITAB AL-SUNAN DAN AL-MARASIL

Ahli ilmu sepakat bahawa judul kitab *Sunan Abi Daud* ialah *al-Sunan*. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan sendiri oleh Abu Dawud (Abu Dawud, t.t.). Beliau telah mengarang *al-Sunan* ketika berada di Tarasus di salah satu perbatasan negeri Islam yang bersempadan dengan Rom, iaitu di selatan Turki selama 20 tahun (Abu Dawud, 2009). Karya ini telah diriwayatkan oleh sejumlah periwayat, antaranya ialah al-Lu'lu'i, Ibn Dasah, Ibn al-'A'rabi dan Ibn al-'Abd. Riwayat yang

paling masyhur adalah riwayat al-Lu'lu'i dan Ibn Dasah. Riwayat al-Lu'lu'i diutamakan kerana beliau lebih lama melazimi Abu Dawud (Abdullah, 1999).

Dari aspek penulisan *al-Sunan*, Abu Dawud tidak meriwayatkan hadith daripada perawi-perawi yang disepakati oleh para pengkritik hadith untuk ditinggalkan. Hadith-hadith yang dimuatkan dalam karya beliau kebanyakannya merupakan riwayat yang masyhur dalam kalangan para fuqaha. Berbeza dengan pendekatan al-Nasa'i dan al-Tirmidhi, Abu Dawud tidak menjelaskan kewujudan 'illah bagi sesuatu hadith pada kebanyakan tempat dalam karyanya. Selain itu, beliau juga tidak mensyaratkan bahawa karya tersebut hanya menghimpunkan hadith-hadith yang sahih semata-mata. Sebaliknya, ia turut mengandungi riwayat-riwayat yang *ghayr mawṣul* seperti hadith *mursal*, *mudallas* dan *munqati'*. Adapun keberadaan hadith *mawṣuf* dalam karya ini adalah agak sedikit. Secara keseluruhannya, *al-Sunan* merupakan karya monumental Abu Dawud yang memiliki keunikan metodologi tersendiri berbanding dengan karya-karya hadith yang lain (Nayf, 2003).

Karya beliau yang berjudul *al-Marasil* merupakan sebuah kitab yang mempunyai nilai ilmiah yang tinggi, khususnya dalam perbincangan berkaitan hadith-hadith *mursal*. Kitab ini menghimpunkan sebanyak 544 hadith *mursal*. Majoriti daripada hadith-hadith tersebut dinilai sahih dari sudut penyandarannya kepada perawi yang melakukan *irṣāl (mursil)* (Abu Dawud al-Sijistani, 2009).

Dari aspek penulisan karya ini, Abu Dawud telah meriwayatkan secara *mursal* daripada al-Zuhri (55 hadith), al-Hasan al-Basri (44 hadith), Sa'id bin al-Musayyib (30 hadith), Makhul (29 hadith), 'Ata' (17 hadith), 'Amir al-Sha'bi (12 hadith), 'Urwah bin al-Zubayr (11 hadith), 'Ikrimah Mawla Ibn 'Abbas (9 hadith), Tawus bin Kaysan (9 hadith), Abu Qilabah (8 hadith), Zayd bin Aslam (7 hadith), 'Abd Allah bin Abi Bakr, Mujahid bin Jabr serta al-Hakam bin 'Ubayyah (6 hadith), 'Amr bin Shu'ayb, Qatadah bin Di'amah serta Muhammad bin Sirin (5 hadith), Sa'id bin Jubayr, Sulayman bin Musa, Abu Salamah bin 'Abd al-Rahman, 'Ali bin al-Husayn, Abu al-'Aliyah serta Abu Malik al-Ghifari (4 hadith), Yahya bin Abi Kathir, Jubayr bin Nufayr, Khalid bin Ma'dan, Abdullah bin al-Harith, 'Ubayd Allah bin 'Abd Allah, 'Ata' bin Yasar, al-Qasim bin 'Abd al-Rahman, Muhammad bin Talhah, Muhammad bin 'Ali, Mu'awiyah bin Qurrah, Muqatil bin Hayyan serta Yazid bin Murthid (3 hadith) dan selain daripada senarai nama ini, semuanya diriwayatkan dengan sebuah riwayat (190 hadith) (Abu Dawud al-Sijistani, 1988).

Manakala dari aspek kekuatan riwayat-riwayat *mursal* yang terkandung dalam karya ini, Shu'ayb al-Arna'ut menjelaskan bahawa riwayat-riwayat tersebut merangkumi hadith yang sahih dan juga yang daif. Menurut beliau, *mursal* yang diriwayatkan oleh Sa'id bin al-Musayyib, Muhammad bin Sirin, Ibrahim al-Nakha'i dan Malik bin Anas dinilai sebagai sahih. Manakala *mursal* yang diriwayatkan oleh Mujahid bin Jabr, Amir al-Sha'bi dan Tawus bin Kaysan pula berada pada tahap *hasan*. Sementara itu, *mursal* yang dinisbahkan kepada al-Zuhri, al-A'mash dan al-Hasan al-Basri serta beberapa tokoh lain dinilai sebagai daif (Abu Dawud al-Sijistani, 1988).

Kedua-dua karya ini merupakan sumbangan ilmiah yang monumental dan mempunyai keunikan tersendiri untuk diteliti. Justeru, penelitian terhadap isu *ta'arud* antara riwayat *marfu'* dan *mawṣuf* wajar dilaksanakan dengan menjadikan kedua-dua karya tersebut sebagai sumber utama kajian.

ANALISIS MANHAJ ABU DAWUD DALAM *TA'ARUD AL-RAF' WA AL-WAQF*

Antara manhaj Abu Dawud dalam menangani percanggahan antara riwayat *marfu'* dan *mawṣuf* adalah seperti berikut:

Pernyataan Penyelisihan Riwayat dan Impak Hukum oleh Abu Dawud

Abu Dawud kebiasaannya menyatakan kewujudan riwayat-riwayat lain yang menyelisihi riwayat utama yang dikemukakan dalam karyanya sebelum melakukan *pentarjihan* terhadap riwayat tersebut atau mengambil sikap *tawaqquf*. Hal ini merupakan manhaj utama Abu Dawud dalam

menangani isu *ta'arud* riwayat *marfu'* dan *mawquf*, sama ada dalam karya *Sunan Abi Dawud* mahupun *al-Marasil*. Pendekatan tersebut dapat diperhatikan secara jelas, antaranya pada hadith kedua dalam *al-Sunan*:

حَدَّثَنَا ابْنُ كَثِيرٍ، حَدَّثَنَا سُفْيَانُ، عَنْ مِسْعَرٍ، عَنْ عَلِيِّ بْنِ الْأَقْمَرِ، ح وَحَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ حَاتِمٍ بْنِ بَرِيْعٍ، حَدَّثَنَا عُبيدُ اللَّهِ بْنُ مُوسَى، عَنْ شَيْبَانَ، عَنِ الْأَعْمَشِ، عَنْ عَلِيِّ بْنِ الْأَقْمَرِ، الْمَعْنَى، عَنِ الْأَعْرَجِ، عَنْ أَبِي سَعِيدٍ، وَأَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَا: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ «إِذَا أَقْبَضَ الرَّجُلُ أَهْلَهُ مِنَ اللَّيْلِ فَصَلِّ، أَوْ صَلِّ رَكَعَتَيْنِ جَمِيعًا، كُنْتِمَا فِي الذَّاكِرِينَ وَالذَّاكِرَاتِ»، «وَلَمْ يَوْفَعُهُ ابْنُ كَثِيرٍ، وَلَا ذَكَرَ أَبَا هُرَيْرَةَ، جَعَلَهُ كَلَامَ أَبِي سَعِيدٍ»، قَالَ أَبُو دَاوُدَ: رَوَاهُ ابْنُ مَهْدِيٍّ، عَنْ سُفْيَانَ، قَالَ: وَأَرَاهُ ذَكَرَ أَبَا هُرَيْرَةَ، قَالَ أَبُو دَاوُدَ: «وَحَدِيثُ سُفْيَانَ مَوْقُوفٌ»

Hadith ini menceritakan berkenaan kelebihan bangun malam dan membangunkan ahli keluarga untuk mendirikan solat malam. Al-Albani mengatakan sanadnya sahih sesuai syarat Muslim selain ia turut disahihkan oleh Ibn Hibban, al-Hakim, al-Dhahabi, al-Nawawi dan al-Traqi (Al-Albani, 2002).

Dalam situasi ini, Abu Dawud meriwayatkan hadith tersebut daripada Abu Sa'id al-Khudri dan Abu Hurayrah secara *marfu'*. Beliau kemudiannya menjelaskan bahawa Ibn Kathir meriwayatkan hadith yang sama secara *mawquf*, disandarkan kepada Abu Sa'id. Selain itu, beliau turut menyatakan kewujudan riwayat Ibn Mahdi daripada Sufyan secara *mawquf* kepada Abu Hurayrah. Melalui komentarnya, Abu Dawud tidak melakukan *pentarjihan* terhadap mana-mana riwayat, sama ada *marfu'* atau *mawquf*. Beliau sekadar menyatakan keberadaan riwayat Ibn Kathir dan Sufyan sebagai bahan analisis terhadap perbezaan periwayatan.

Contoh berikutnya juga boleh didapati dalam *al-Marasil*. Abu Dawud meriwayatkan seperti berikut:

حَدَّثَنَا عِيسَى بْنُ يُونُسَ الطَّرْسُوسِيُّ، حَدَّثَنَا حَجَّاجُ بْنُ يَعْنَى ابْنِ مُحَمَّدٍ، عَنِ ابْنِ أَبِي ذَنْبٍ، عَنِ الزُّهْرِيِّ، عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «لَا يَرِثُ قَاتِلُ عَمْدٍ وَلَا خَطِئٌ شَيْئًا مِنَ الدِّيَةِ» قَالَ: الزُّهْرِيُّ يَرِثُ مِنْ غَيْرِهَا، قَالَ أَبُو دَاوُدَ: رَوَى نَحْوَهُ مَعْمَرٌ وَصَالِحُ بْنُ كَيْسَانَ وَيُونُسُ عَنِ الزُّهْرِيِّ مَوْقُوفٌ عَلَى ابْنِ الْمُسَيَّبِ

Abu Dawud meriwayatkan hadith berkaitan warisan bagi pembunuh daripada al-Zuhri melalui sanad Sa'id bin al-Musayyib secara *marfu'*. Seterusnya, beliau menyatakan kewujudan riwayat-riwayat lain yang diriwayatkan secara *mawquf*, iaitu daripada Ma'mar, Salih bin Kaysan dan Yunus, semuanya melalui al-Zuhri. Seperti natijah hadith yang terkandung dalam *al-Sunan* sebelum ini, Abu Dawud tidak menunjukkan kecenderungan secara eksplisit terhadap mana-mana riwayat. Praktik beliau menjelaskan keberadaan riwayat-riwayat *mukhalafah* ini menekankan bahawa Abu Dawud kebiasaannya menyatakan riwayat-riwayat lain sebelum melakukan pentarjihan atau mengambil sikap *tawaqquf*.

Kalam Perawi Sebagai Asas Qara'in dalam Sunan Abi Dawud

Abu Dawud turut mengambil kira kalam perawi terhadap hadith yang diriwayatkan sebagai salah satu *qara'in* dalam proses *pentarjihan* antara riwayat-riwayat yang berbeza. Manhaj ini boleh diperhatikan pada hadith yang pertama, diriwayatkan oleh Abu Dawud dalam *al-Sunan* seperti berikut (al-Sijistani, 2009):

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ سَنَانَ الْقُطَّانُ الْوَاسِطِيُّ، حَدَّثَنَا يَزِيدُ، عَنْ أَيُّوبَ أَبِي الْغَلَاءِ، عَنِ ابْنِ شُبْرَمَةَ، عَنِ امْرَأَةٍ مَسْرُوقٍ، عَنْ عَائِشَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِثْلَهُ. قَالَ أَبُو دَاوُدَ: «وَحَدِيثُ عَدِيٍّ بْنِ ثَابِتٍ وَالْأَعْمَشِ، عَنْ حَبِيبٍ، وَأَيُّوبَ أَبِي الْغَلَاءِ كُلُّهَا ضَعِيفَةٌ لَا تَصِحُّ» وَدَلَّ عَلَى ضَعْفِ حَدِيثِ الْأَعْمَشِ عَنْ حَبِيبٍ هَذَا الْحَدِيثُ أَوْفَقَهُ حَفْصُ بْنُ غِيَاثٍ،

عَنِ الْأَعْمَشِ، وَأَنْكَرَ حَفْصُ بْنُ غِيَاثٍ، أَنَّ يَكُونَ حَدِيثُ حَبِيبٍ مَرْفُوعًا، وَأَوْفَقَهُ أَيْضًا أَسْبَاطُ، عَنِ الْأَعْمَشِ مَوْفُوفٌ عَنْ عَائِشَةَ " قَالَ أَبُو دَاوُدَ: وَرَوَاهُ ابْنُ دَاوُدَ، عَنِ الْأَعْمَشِ مَرْفُوعًا أَوَّلُهُ، وَأَنْكَرَ أَنَّ يَكُونَ فِيهِ الْوُضُوءُ عِنْدَ كُلِّ صَلَاةٍ، وَدَلَّ عَلَى ضَعْفِ حَدِيثِ حَبِيبٍ هَذَا أَنَّ رِوَايَةَ الزُّهْرِيِّ، عَنْ عُرْوَةَ، عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: «فَكَانَتْ تَغْتَسِلُ لِكُلِّ صَلَاةٍ» فِي حَدِيثِ الْمُسْتَحَاضَةِ وَرَوَى أَبُو الْيَقْظَانِ، عَنْ عَبْدِ بْنِ ثَابِتٍ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، وَعَمَّارٍ مَوْلَى بَنِي هَاشِمٍ، عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ وَرَوَى عَبْدُ الْمَلِكِ بْنُ مَيْسَرَةَ، وَبَيَّانٌ، وَالْمُغِيرَةُ، وَفِرَاسٌ، وَمُجَالِدٌ، عَنِ الشَّعْبِيِّ، عَنْ حَدِيثِ قَمِيرٍ، عَنْ عَائِشَةَ «تَوَضَّئِي لِكُلِّ صَلَاةٍ» وَرِوَايَةَ دَاوُدَ، وَعَاصِمٍ، عَنِ الشَّعْبِيِّ، عَنْ قَمِيرٍ، عَنْ عَائِشَةَ «تَغْتَسِلُ كُلَّ يَوْمٍ مَرَّةً» وَرَوَى هِشَامُ بْنُ عُرْوَةَ، عَنْ أَبِيهِ «الْمُسْتَحَاضَةُ تَتَوَضَّأُ لِكُلِّ صَلَاةٍ» وَهَذِهِ الْأَحَادِيثُ كُلُّهَا ضَعِيفَةٌ إِلَّا حَدِيثَ قَمِيرٍ، وَحَدِيثَ عَمَّارٍ مَوْلَى بَنِي هَاشِمٍ، وَحَدِيثَ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ، عَنْ أَبِيهِ، وَالْمَعْرُوفُ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ الْغُسْلُ

Abu Dawud meriwayatkan hadith ini bagi menjelaskan kewujudan perbezaan pandangan dalam kalangan para ulama berhubung persoalan sama ada seorang wanita yang mengalami istihadah perlu berwuduk atau mandi setiap kali hendak menunaikan solat. Riwayat ini juga menunjukkan bahawa Abu Dawud mempraktikkan manhaj pertama yang telah dijelaskan sebelum ini, iaitu dengan menyatakan kewujudan riwayat-riwayat lain yang menyelisihi riwayat utama yang dikemukakan dalam karyanya sebelum melakukan *pentarjihan* atau mengambil sikap *tawaqquf*.

Setelah meriwayatkan jalur isteri kepada Masruq secara *marfu'*, Abu Dawud turut menyatakan kewujudan jalur-jalur lain seperti jalur Adi bin Thabit dan al-A'mash daripada Habib serta Ayyub Abi al-'Ala', yang dinilai sebagai lemah oleh beliau sendiri. Seterusnya, Abu Dawud berhujah dengan kalam Hafs ibn Ghiyath, iaitu perawi yang meriwayatkan daripada al-A'mash secara *mawquf*. Hafs bin Ghiyath mengingkari riwayat hadith ini daripada Habib secara *marfu'*, dan menegaskan bahawa bentuk riwayat yang sahih bagi hadith tersebut adalah *mawquf*.

Hal ini menunjukkan bahawa Abu Dawud mengambil kira komentar perawi, sama ada berbentuk pujian mahupun kritikan terhadap riwayat tersebut, sebagai salah satu *qara'in* dalam menangani percanggahan antara riwayat *marfu'* dan *mawquf*. Manhaj ini turut dipraktikkan oleh beliau dalam hadith kedua dalam *Sunan Abi Dawud*.

Amalan Perawi Sebagai Asas Qara'in dalam Sunan Abi Dawud

Abu Dawud turut mengambil kira amalan perawi terhadap hadith yang diriwayatkannya sebagai salah satu *qara'in* dalam *mentarjih* antara riwayat yang saling bercanggah. Praktik Abu Dawud mengenai manhaj ini boleh didapati pada hadith yang kesembilan dalam *al-Sunan*:

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ، حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ نَافِعٍ، عَنْ أَبِي مُؤَدٍّ، عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ أَبِي يَحْيَى، عَنِ ابْنِ عُمَرَ، قَالَ: «مَا جَمَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ قَطُّ فِي السَّفَرِ إِلَّا مَرَّةً»، قَالَ أَبُو دَاوُدَ: وَهَذَا يُرَوَّى عَنْ أُيُوبَ، عَنْ نَافِعٍ، عَنْ ابْنِ عُمَرَ، مَوْفُوفًا عَلَى ابْنِ عُمَرَ، أَنَّهُ لَمْ يَرَ ابْنَ عُمَرَ، جَمَعَ بَيْنَهُمَا قَطُّ إِلَّا تِلْكَ اللَّيْلَةَ يَغْنِي لَيْلَةً اسْتُصْرِخَ عَلَى صَفِيَّةَ، وَرُويَ مِنْ حَدِيثِ مَكْحُولٍ، عَنْ نَافِعٍ، أَنَّهُ رَأَى ابْنَ عُمَرَ، فَعَلَ ذَلِكَ مَرَّةً أَوْ مَرَّتَيْنِ

Hadith ini menjelaskan perihal perbuatan Baginda SAW yang tidak pernah menjamak solat Maghrib dan Isyak ketika bermusafir, kecuali dalam satu keadaan sahaja. Abu Dawud kemudiannya mempraktikkan manhaj pertamanya, iaitu dengan menyatakan kewujudan riwayat-riwayat lain bagi hadith ini yang menyelisihi riwayat utama tersebut dari aspek *marfu'* atau *mawquf*.

Beliau menyatakan kewujudan riwayat Ayyub daripada Nafi' daripada Ibn 'Umar yang diriwayatkan secara *mawquf*. Berdasarkan riwayat ini, Ibn 'Umar juga tidak pernah menjamak solat Maghrib dan Isyak kecuali pada malam berlakunya kecemasan yang melibatkan Sofiyah. Selain itu, Abu Dawud turut menyebut sebuah lagi riwayat Ibn 'Umar yang diriwayatkan oleh Makhul

daripada Nafi', di mana Ibn 'Umar hanya melakukan jamak ini sekali atau dua kali sahaja. Hal ini menunjukkan bahawa kelakuan Ibn 'Umar selaras dengan sabda Baginda SAW yang diriwayatkan secara *marfu'*, kecuali dalam situasi darurat sahaja.

Contoh ini menunjukkan bagaimana Abu Dawud menganalisis percanggahan antara riwayat *marfu'* dan *manwuf*, tanpa melakukan *pentarjihan* terhadap mana-mana riwayat. Namun, berdasarkan komentar beliau mengenai amalan 'Abd Allah bin 'Umar, dapat dilihat bahawa Abu Dawud seolah-olah menerima kedua-dua riwayat tersebut, sama ada *marfu'* atau *manwuf*. Hal ini menunjukkan bahawa amalan perawi turut diambil kira oleh Abu Dawud dalam menangani isu *ta'arud*. Berdasarkan contoh ini, kelihatan bahawa Abu Dawud tidak menolak mana-mana riwayat, sebaliknya cenderung menilai kedua-duanya sebagai *mahfuz*.

Sikap Abu Dawud Terhadap Kekerapan Ta'arud Riwayat

Abu Dawud lebih kerap menyatakan kewujudan *ta'arud* antara riwayat daripada terus melakukan *pentarjihan* terhadap salah satu riwayat yang bercanggah. Contoh manhaj ini boleh didapati dalam *al-Marasil*, hadith pertama):

حَدَّثَنَا عَيْسَى بْنُ يُونُسَ الطَّرْسُوسِيُّ، حَدَّثَنَا حَجَّاجٌ يَغْنِي ابْنَ مُحَمَّدٍ، عَنْ ابْنِ أَبِي ذَنْبٍ، عَنْ الزُّهْرِيِّ، عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «لَا يَرِثُ قَاتِلُ عَمَدٍ وَلَا خَطِلٌ شَيْئًا مِنَ الدِّيَةِ» قَالَ: الزُّهْرِيُّ يَرِثُ مِنْ غَيْرِهَا، قَالَ أَبُو دَاوُدَ: رَوَى نَحْوَهُ مَعْمَرٌ وَصَالِحٌ بْنُ كَيْسَانَ وَيُونُسُ عَنْ الزُّهْرِيِّ مَوْقُوفٌ عَلَى ابْنِ الْمُسَيَّبِ

Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Dawud ini menjelaskan isu warisan bagi pembunuh secara *marfu'*. Melalui hadith tersebut, jelas bahawa Abu Dawud hanya menyatakan kewujudan riwayat-riwayat lain yang diriwayatkan secara *manwuf*, iaitu daripada Ma'mar, Salih bin Kaysan dan Yunus, semuanya melalui al-Zuhri. Periwiyatan Ma'mar ini bercanggah dengan riwayat al-Zuhri daripada Sa'id ibn al-Musayyib daripada Nabi SAW secara *marfu'*. Beliau tidak menunjukkan kecenderungan secara eksplisit dalam melakukan *pentarjihan* terhadap mana-mana riwayat.

Dalam hadith ini, Abu Dawud cenderung untuk sekadar menyatakan kewujudan riwayat *marfu'* dan *manwuf* secara serentak, tanpa melakukan *pentarjihan* terhadap salah satu riwayat. Riwayat-riwayat tersebut lebih dipersembahkan sebagai bahan analisis semata-mata.

Abu Dawud banyak mempraktikkan manhaj ini dalam kedua-dua karyanya ini, hadith keempat, kelima, keenam, kelapan, kesembilan, kesepuluh, kesebelas, kedua belas, ketiga belas, keempat belas serta kelima belas dalam *al-Sunan* dan hadith kedua dalam *al-Marasil*.

Bilangan Perawi dan Status Riwayat Mahfuz dalam Sunan Abi Dawud

Abu Dawud tidak menjadikan kelebihan bilangan perawi yang meriwayatkan sesuatu hadith sebagai *qara'in* mutlak dalam *mentarjih* sesebuah riwayat sebagai *mahfuz*. Manhaj ini dipraktikkan oleh beliau dalam *al-Sunan*, pada hadith yang kelima seperti berikut:

حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ، حَدَّثَنَا يَحْيَى، عَنْ شُعْبَةَ، حَدَّثَنَا قَتَادَةُ، قَالَ: سَمِعْتُ جَابِرَ بْنَ زَيْدٍ، يُحَدِّثُ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ - رَفَعَهُ شُعْبَةُ - قَالَ: «يَقْطَعُ الصَّلَاةَ الْمَرْأَةُ الْحَائِضُ وَالْكَلْبُ»، قَالَ أَبُو دَاوُدَ: وَقَفَهُ سَعِيدٌ، وَهَشَامٌ، وَهَمَّامٌ، عَنْ قَتَادَةَ، عَنْ جَابِرِ بْنِ زَيْدٍ، عَلَى ابْنِ عَبَّاسٍ

Hadith ini menjelaskan status solat seseorang yang dilalui oleh wanita yang mengalami haid atau oleh anjing. Melalui periwiyatan ini, Abu Dawud telah mempraktikkan dua manhaj yang telah dijelaskan sebelum ini, iaitu: (1) menyatakan kewujudan riwayat-riwayat yang *mukhalafah* dengan riwayat utama, dan (2) menyatakan keberadaan riwayat-riwayat tersebut tanpa melakukan sebarang *pentarjihan*.

Dalam menangani percanggahan antara riwayat *marfu'* dan *mawquf*, Abu Dawud tidak menjadikan kuantiti periwayatan yang lebih besar sebagai *qara'in* mutlak dalam *mentarjih* salah satu riwayat. Hal ini dapat diperhatikan melalui komentar beliau dalam hadith ini. Setelah meriwayatkan riwayat utama yang diriwayatkan oleh Shu'bah secara *marfu'*, beliau menyatakan kewujudan periwayatan hadith ini secara *mawquf* oleh sejumlah perawi, iaitu Sa'id, Hisham dan Hammam daripada Ibn 'Abbas. Walaupun periwayatan *mawquf* ini dilakukan oleh bilangan perawi yang lebih ramai, Abu Dawud tidak secara automatik *mentarjih* salah satu riwayat tersebut.

Riwayat ini juga merupakan contoh yang jelas mengenai praktik Abu Dawud, di mana beliau lebih kerap membawa riwayat-riwayat sebagai objek kajian, dan bukannya untuk *mentarjih* salah satu daripada riwayat yang mengalami *ta'arud*.

KERANGKA MANHAJ ABU DAWUD AL-SIJISTANI DALAM MENANGANI TA'ARUD AL-RAF' WA AL-WAQF

Berdasarkan dapatan yang telah dinyatakan di atas, manhaj Abu Dawud dalam menangani *ta'arud al-raf' wa al-waqf* boleh dibahagikan mengikut beberapa fasa. Fasa-fasa *pentarjihan* Abu Dawud dalam hal ini boleh diperhatikan melalui jadual berikut:

Jadual 1: Fasa-fasa Tarjih Abu Dawud

Fasa	Penjelasan
1: Pra Tarjih	Fungsi: Abu Dawud menghimpunkan seluruh riwayat yang terdapat padanya <i>ta'arud</i> sebelum melakukan sebarang <i>pentarjihan</i>. Ciri-Ciri: Antara ciri manhaj Abu Dawud dalam fasa ini ialah Abu Dawud meriwayatkan riwayat utama, Abu Dawud meriwayatkan riwayat yang menyelisihi riwayat utama, Abu Dawud tidak tergesa-gesa melakukan sebarang <i>pentarjihan</i> dan riwayat dipersembahkan terlebih dahulu sebagai bahan analisis. Signifikan Abu Dawud mengutamakan pengumpulan data hadith secara menyeluruh. Beliau juga bersifat terbuka terhadap <i>ikhtilaf</i> periwayatan dan Abu Dawud menilai hadith hanya berdasarkan satu jalur riwayat. Hubungan dengan Fasa 2: Fasa ini menjadi asas kepada proses <i>tarjih</i> kerana <i>qara'in</i> tidak dapat dianalisis tanpa menghimpunkan seluruh riwayat yang berkaitan.
2: Pentarjihan	Fungsi: Menilai kekuatan riwayat berdasarkan petunjuk-petunjuk ilmiah (<i>qara'in</i>). Qara'in yang digunakan: Antara <i>qara'in</i> yang diguna pakai oleh Abu Dawud dalam proses <i>pentarjihan</i> beliau ialah kalam perawi, iaitu mengambil tahu kritikan atau pengakuan perawi terhadap sesuatu riwayat. Kedua, amalan perawi, iaitu mengenal pasti praktik perawi terhadap hadith yang diriwayatkan dan keselarasan antara riwayat dan amalan. Terakhir ialah kuantiti perawi, jumlah perawi dalam meriwayatkan sesuatu riwayat juga diambil kira, namun ia tidak dijadikan sebagai <i>qarinah</i> mutlak. Signifikan Fasa ini menunjukkan bahawa Abu Dawud meraikan kepelbagaian <i>qara'in</i> dalam <i>pentarjihan</i>. Abu Dawud juga tidak bergantung pada satu indikator sahaja dan Abu Dawud menilai riwayat secara kontekstual. Hubungan dengan Fasa 3: Hasil analisis <i>qara'in</i> menentukan sama ada <i>tarjih</i> telah dilakukan atau beliau tidak menyatakan sebarang <i>pentarjihan</i>.
3: Tarjih	Fungsi: Menentukan pendirian terhadap riwayat yang mengalami <i>ta'arud</i>.

Bentuk Natijah:

Bentuk natijah yang terdapat dalam hadith-hadith yang dijadikan sampel kajian menunjukkan kadang-kadang *marfu'* yang *ditarjihkan*, kadang-kadang *manwuf* yang *ditarjihkan* dan dalam banyak keadaan, Abu Dawud tidak menyatakan pendirian secara jelas.

Signifikan

Fasa ini menunjukkan bahawa Abu Dawud tidak mempunyai kecenderungan mutlak kepada *marfu'* atau *manwuf*, *tarjih* beliau adalah berdasarkan realiti periwayatan dan dalam banyak keadaan, beliau memilih untuk *tawaqquf*.

Hubungan dengan Fasa 4:

Ketiadaan *tarjih* mutlak membawa kepada pendekatan *ibhtiyat* dalam pengendalian riwayat-riwayat yang *ta'arud*.

4: Pasca-*Tarjih*

Fungsi:

Menunjukkan falsafah umum Abu Dawud dalam menangani *ta'arud*.

Ciri-Ciri:

Kajian ini membuktikan Abu Dawud bersikap *ibhtiyat* dalam *pentarjihan* dan beliau tidak tergesa-gesa menolak riwayat. Abu Dawud banyak membawa riwayat atas tujuan analisis ilmiah dan kadang-kadang kedua-dua riwayat dianggap masih berkemungkinan *mahfuz*.

Signifikan

Fasa ini menunjukkan bahawa Abu Dawud bersifat analitikal, kritikal, simplistik dan lebih dekat kepada pendekatan ahli hadith *al-mutaqaddimin*.

Berdasarkan keseluruhan sampel hadith yang dianalisis, dapat disimpulkan bahawa manhaj Abu Dawud dalam menangani *ta'arud* antara riwayat *marfu'* dan *manwuf* merupakan suatu manhaj yang bersifat bertahap, analitikal dan dilaksanakan dengan *ibhtiyat*. Pendekatan beliau tidak bermula dengan *pentarjihan* secara langsung, sebaliknya diawali dengan proses perhimpunan seluruh riwayat yang *ta'arud*. Hal ini menunjukkan Abu Dawud memberi perhatian terhadap keseluruhan lanskap periwayatan sebelum membentuk sesuatu penilaian terhadap hadith tersebut.

Dalam proses tersebut, Abu Dawud tidak sekadar menghimpunkan riwayat-riwayat yang berbeza, bahkan turut menjadikan riwayat-riwayat tersebut sebagai bahan analisis ilmiah. Melalui pendekatan ini, beliau menunjukkan keterbukaan terhadap *ikhtilaf* dalam periwayatan hadith dan tidak tergesa-gesa dalam bentuk menentukan bentuk riwayat yang paling sahih. Ini menunjukkan Abu Dawud tidak bersifat simplistik atau literal terhadap sesuatu jalur periwayatan, sebaliknya dibina atas penelitian menyeluruh terhadap keseluruhan data hadith yang tersedia.

Abu Dawud seterusnya menilai riwayat tersebut berdasarkan beberapa *qara'in tarjih*. Antara yang dapat dikenal pasti melalui sampel kajian ialah kalam perawi terhadap sesuatu riwayat, amalan perawi terhadap hadith yang diriwayatkannya serta kuantiti perawi yang meriwayatkan sesuatu bentuk riwayat. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan bahawa beliau tidak menjadikan mana-mana *qarinah* tersebut sebagai asas mutlak dalam *pentarjihan*. Sebaliknya, beliau menilai setiap *qarinah* berdasarkan realiti periwayatan secara khusus. Hal ini memperlihatkan bahawa manhaj Abu Dawud dalam *tarjih* bersifat fleksibel dan kontekstual, serta tidak terikat dengan pendekatan mekanikal dalam menentukan riwayat yang *mahfuz*.

Natijah daripada penilaian *qara'in* tersebut menunjukkan bahawa Abu Dawud tidak mempunyai kecenderungan mutlak sama ada terhadap riwayat *marfu'* atau *manwuf*. Dalam sebahagian keadaan, beliau cenderung *mentarjih* riwayat *marfu'*, manakala dalam keadaan lain beliau lebih menerima riwayat *manwuf*. Namun demikian, dalam banyak tempat beliau tidak menyatakan sebarang pendirian *tarjih* secara jelas. Keadaan ini menunjukkan bahawa matlamat utama beliau dalam sebahagian besar periwayatan bukanlah semata-mata untuk menentukan riwayat yang *rajih*, tetapi juga untuk memperlihatkan realiti *ikhtilaf* periwayatan yang berlaku dalam kalangan ahli hadith.

Secara keseluruhannya, pendekatan Abu Dawud dalam menangani *ta'arud al-raf' wa al-waqf* memperlihatkan kecenderungan beliau terhadap sikap *ibhtiyat* dalam *pentarjihan* hadith. Beliau tidak tergesa-gesa menolak mana-mana riwayat hanya kerana wujud percanggahan pada bentuk periwayatannya. Bahkan, dalam beberapa keadaan, kedua-dua riwayat yang bercanggah seolah-

olah masih dianggap berkemungkinan *mahfuz* selagi tidak terdapat *qarinah* yang jelas untuk menolak salah satu daripadanya. Pendekatan ini menunjukkan bahawa Abu Dawud lebih cenderung membawa hadith-hadith tersebut atas dasar analisis ilmiah dan penelitian kritikal, selaras dengan pendekatan ahli hadith *al-mutaqaddimin* yang lebih berhati-hati dalam menangani *ta'arud* periwayatan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian terhadap 19 hadith dalam karya *Sunan Abi Dawud* dan *al-Marasil* menunjukkan bahawa Abu Dawud mengamalkan beberapa pendekatan metodologi secara konsisten, antaranya dengan menyebut kewujudan riwayat yang bercanggah dengan riwayat utama dan cenderung untuk mengemukakan riwayat-riwayat berkaitan tanpa melakukan *pentarjihan* secara jelas. Selain itu, penemuan kajian mendapati bahawa beliau tidak menganggap kelebihan dari sudut kuantiti riwayat sebagai *qara'in* yang bersifat mutlak dalam menentukan *pentarjihan* sesebuah hadith, sebaliknya menilai isu tersebut berdasarkan pelbagai pertimbangan ilmiah yang lebih menyeluruh. Ini bermakna, Abu Dawud tidak terikat dengan satu pola yang tetap dalam menangani percanggahan antara riwayat *marfu'* dan *mawquf*.

Walau bagaimanapun, Abu Dawud didapati lebih kerap menyatakan kewujudan riwayat-riwayat yang mengalami *ta'arud* semata-mata, berbanding *menta'il* atau *mentarjih* salah satu riwayat tersebut. Berdasarkan kajian ini, Abu Dawud, sebagai seorang tokoh ahli hadith daripada kalangan *al-Mutaqaddimin*, menunjukkan bahawa beliau menangani *ta'arud* selaras dengan realiti periwayatan, tanpa terikat kepada satu pola yang kaku.

Kajian ini hanya menumpukan kepada pendekatan Abu Dawud dalam karya *al-Sunan* dan *al-Marasil* berdasarkan sampel hadith yang mengandungi *ta'arud* antara riwayat *marfu'* dan *mawquf*. Justeru, kajian lanjutan boleh dilakukan dengan memperluaskan analisis kepada karya-karya hadith lain atau membuat perbandingan antara manhaj Abu Dawud dengan tokoh-tokoh ahli hadith lain seperti al-Bukhari, Muslim dan al-Darqutni dalam menangani *ta'arud al-raf' wa al-waqf*. Selain itu, penelitian terhadap hubungan antara *qara'in tarjih* dan *fiqh al-hadith* dalam isu ini juga berpotensi memberikan sumbangan yang lebih mendalam terhadap perkembangan metodologi kritik hadith.

SUMBANGAN PENGARANG

Konseptualisasi & metodologi, Syimir, pengumpulan data & analisis, Syimir; penulisan draf asli, Syimir; semakan dan penyuntingan: Roshimah. Semua penulis telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tidak ada sebarang konflik kepentingan (kewangan, peribadi atau profesional) yang boleh mempengaruhi penulisan dan penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN ETIKA

Kajian ini tidak melibatkan subjek manusia atau haiwan. Semua data diperolehi daripada sumber yang boleh diakses secara umum dan tidak mengandungi sebarang maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti. Oleh itu, kelulusan etika tidak diperlukan.

PERNYATAAN TEKS YANG DIHASILKAN OLEH KECERDASAN BUATAN (AI)

Tiada alat Kecerdasan Buatan (AI) yang digunakan untuk menghasilkan kandungan asal, menjalankan analisis atau menggantikan mana-mana bahagian sumbangan intelektual penyelidik.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Sumbangan asal yang dibentangkan dalam kajian ini telah disertakan dalam artikel/bahan tambahan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada penulis korespondan.

RUJUKAN

- Abu Dawud, S.S.A. (1988). *Al-Marasil*. Mu'assasah al-Risalah.
- Abu Dawud, S.S.A. (2009). *Sunan Abi Dawud*. Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Abu Dawud, S.S.A. (t.t.). *Risalah Abi Dawud ila Ahl Makkah wa Ghayrhum fi Wasf Sunanib*. Dar al-'Arabiyyah.
- Abu al-Sabba', M. Z. F. (n.d.). Al-marfu' hukma min aqwal al-sahabah. *Majallah al-Dirasat al-'Arabiyyah*, 4361–4468.
- Abdullah, L., & Fahrison, A. (2025). Marwiyat Sufyan al-Thawri al-Mu'allah bi ikhtilaf al-raf' wa al-waqf fi bab al-akl wa al-shurb. *Al-Majallah al-'Arabiyyah li al-Dirasat al-Islamiyyah wa al-Shar'iyah*, 33(9), 90–118.
- Abdullah, S. (1999). *Manahij al-Muhaddithin*. Dar Ulum al-Sunnah.
- 'Abd Allah Sa'd Yahya, Z. S. (t.t.). Manhaj al-Imam al-Daruqutni fi al-tarjih bayna al-ahadith allati yata'arad fihad al-raf' wa al-waqf min khila namadhij min kitabih al-'Ilal. *Majallah al-Dirasat al-'Arabiyyah*, 781 – 810.
- 'Abd Allah Rifa'i, U. R. (2018). Manhaj al-Imam al-Bukhari fi i'lal al-ahadith bi sabab al-ikhtilaf fi al-raf' wa al-waqf. *Majallah Kulliyah al-Adab*, 2 (8), 175 – 196.
- 'Abd al-Hadi, M. K. & Najm F. (2017). Ta'arud al-raf' wa al-waqf 'inda al-Imam al-Bukhari. *Majallah Kulliyah al-Tarbiyyah al-Asasiyyah li al-'Ulum al-Tarbiyyah wa al-Insaniyyah*, 35, 110 – 122.
- Ali al-Tamimi, A. M. R. (2002). *Ta'arud al-Raf' ma'a al-Waqf wa Dur al-Qara'in fi al-Tarjih Baynahuma*. Universiti Jordan.
- Al-Albani, N. D. (2002). *Sahih Sunan Abi Dawud*. Mu'assasah Gharas li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Al-Andalusi, I. H. (n.d.). *Al-Muhalla bi al-Athar*. Dar al-Fikr.
- Al-Asqalani, I. H. (1984). *Al-Nukat 'ala Kitab Ibn al-Salah*. 'Umadah al-Bahth al-'Alami bi al-Jami'ah al-Islamiyyah.
- 'Azzouz, B. (2020). Mazid al-naf' bima ta'arad fih al-waqf ma'a al-raf'. *Majallah al-Ihya'*, 20 (25), 331-348.
- Al-Baghdadi, A. K. (2001). *Al-Faqih wa al-Mutafaqqih*. Dar Ibn al-Jawzi.
- Al-Farra', A. Y. (2002). *Al-'iddah fi usul al-fiqh*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Jasas, A. B. R. (1994). *Al-Fusul fi al-Usul*. Wuzarah al-Awqaf al-Kuwaytiyyah.
- Al-Kandari, W.M. (t.t.). Ma La Hukm al-Ra'f min al-Mawqufat wa al-Maqtu'at. Universiti Kuwait.
- Khalil, M. R. & al-Qudah, A.M. (2021). *I'rad al-Imam al-Bukhari 'an al-Hadith al-Asl fi al-Bab fi al-Jami' al-Sahih*. Majallah al-Jami'ah li al-Dirasat al-Islamiyyah (Aqidah – Tafsir – Hadith), 30(1), 675 - 709.
- Nayf, 'A. (2003). *Manahij al-Muhaddithin al-'Ammah wa al-Khassah: Al-Sana'ah al-Hadithiyyah*. Dar al-Bashar al-Islamiyyah.
- Al-Qadduri, A. H. (2006). *Al-Tajrid*. Dar al-Salam.
- Ridwan, I. S. & Ikhziq S. I. (2019). Ta'arud al-raf' wa al-waqf 'inda al-Imam al-Nawawi Dirasah Tatbiqiyyah 'ala Kitabih al-Minhaj fi Sharh Sahih Muslim bin al-Hajjaj. *Majallah al-Jami'ah li al-Dirasat al-Islamiyyah ('Aqidah-Tafsir-Hadith)*, 28(2), 282 – 307.
- Al-Ruyani, A. M. (2009). *Bahr al-Madhbah*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Sakhawi, S. (2003). *Fath al-Mughith bi Sharh alfiyyah al-Hadith*. Maktabah al-Sunnah.
- Al-Shirazi, A. I. (2003). *Al-luma' fi Usul al-Fiqh*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ul Haq, M. I. & Ur Rahman, B. (2022). Manhaj al-Imam Ibn Hibban fi ta'arud al-raf' wa al-waqf fi kitabih al-Ta'qasim wa al-anwa'. *Majallah Khayr al-Ummah*, 2(1), 61 – 77.